

B B6DU AAB

MAHATHIR - IDENTITI

1985

KUALA LUMPUR, 3 APRIL (BERNAMA) -- SEKTOR PELANCONGAN DAN INDUSTRI-INDUSTRI BERKAITAN PERLU MENINGKATKAN IMEJ NEGARA MELALUI HASIL-HASIL PENGELUARAN YANG MENCERMINKAN IDENTITI BERTA KEENTITI MALAYSIA + , SAMA ADA DARIPADA SEGI REKABENTUKNYA ATAU GAMBARAN-GAMBARAN YANG DIBAYANGKAN, KATANYA.

BEMASA MERABMIKAN PAMERAN 100 TAHUN PEWTER MALAYSIA DI MUZIUM NEGARA DI SINI, BELIAU JUGA YAKIN JIKA BENAR-BENAR DIMAJUKAN,

INDUSTRI PELANCONGAN AKAN MENJADI PUNCA PENDAPATAN YANG PENTING UNTUK EKONOMI NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN PERLUNYA INDUSTRI PELANCONGAN MEMBERI PERHATIAN TERHADAP INDUSTRI TEMBAGA YANG DIPERCAYAINYA BERUPAYA MENARIK PERHATIAN PARA PELANCONG.

KATANYA SALAH SATU LANGKAH MENONJOLKAN INDUSTRI TEMBAGA ADALAH DENGAN MEMPERBAIKI REKABENTUKNYA YANG KINI HANYA MEMENUHI CITA-RASA PENDUDUK TEMPATAN SEPERTI ALAT-ALAT YANG DIGUNAKAN UNTUK UPACARA-UPACARA PERTUNANGAN DAN PERKAHWINAN.

+ PENGUSAHA TEMBAGA TEMPATAN PERLU BEKERJASAMA DENGAN INSTITUSI PELAJARAN TINGGI SEPERTI INSITIUT TEKNOLOGI MARA DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) UNTUK MENDAPATKAN NASIHAT MENGENAI REKABENTUK DAN CARA MENGGUNAKAN TEKNOLOGI YANG LEBIH BARU DALAM PENGELUARAN TEMBAGA, + KATANYA.

--LAGI

1923MST 03 04 85

B B601 AAB

MAHATHIR - IDENTITI 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA HASIL KERJA TANGAN TEMBAGA KINI JARANG MENDAPAT SAMBUTAN PARA PELANCONG LUAR NEGERI KERANA REKA-BENTUK YANG KURANG MENARIK DAN YANG TIDAK MEMENUHI CITA-RASA MEREKA.

SELAIN ITU, KATANYA SAMBUTAN YANG DINGIN INI MUNGKIN JUGA DISEBABKAN OLEH PENGELUARAN TERHAD SERTA CARA PEMBUATAN DAN PEMASARAN YANG TIDAK BEGITU TERBESUSUN.

KATANYA DALAM USAHA MEMPERTINGKATKAN INDUSTRI PELANCONGAN DI NEGARA INI, KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP PERLU DISEDIAKAN UNTUK PARA PELANCONG TEMPATAN ATAU LUAR NEGERI.

KATANYA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS MERUPAKAN FAKTOR YANG MEMBEZAKAN PUSAT PELANCONGAN YANG TERKENAL DARIPADA TEMPAT-TEMPAT YANG BELUM DIMAJUKAN DAN DIPERKENALKAN.

MENYENTUH PENGGUNAAN BAHAN MENTAH TEMPATAN, BELIAU BERKATA PENGGUNAAN BAGI DIPROBES KEPADA BARANGAN SEPARUH SIAP PADA RELATIFNYA BELUM LAGI MENGGALAKKAN.

+ INI SATU KEADAAN YANG KERAJAAN BERAZAM UNTUK MENGUBAH DAN KERAJAAN PADA DASARNYA AKAN MEMBERI GALAKAN BAGI MEMPERTINGKATKAN PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN MENTAH TEMPATAN DALAM INDUSTRI PERKILANGAN, + KATANYA.

SEBAGAI CONTOH, REBAT SEBANYAK \$700 SATU TAN BIJIH TIMAH YANG DIPROBES DI DALAM NEGARA ADALAH BAGI MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK LOGAM ITU DIPROBES DI NEGARA INI. --LAGI

1931MST 03 04 85

B B604 AAB

MAHATHIR - IDENTITI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SELAIN BAHAN MENTAH YANG LEBIH MURAH, PENGUSAHA-PENGUSAHA JUGA PERLU MEMBERI PERHATIAN TERHADAP PENGGUNAAN REKA-BENTUK, KAEDAH PEMBUATAN DAN STRATEGI PEMASARAN YANG BETUL.

+ HAL-HAL INI ADALAH LEBIH PENTING APABILA KITA MENGHADAPI PASARAN EKSPORT, + KATANYA.

BELIAU JUGA MENCADANGKAN INDUSTRI PELANCONGAN MEMBERI PERHATIAN KEPADA ASPEK + MAKANAN SEGERA + DALAM MAKANAN MALAYSIA.

BELIAU BERPENDAPAT KONSEP ITU BOLEH DITERIMA DENGAN MENGUBAHSUAI JENIS MAKANAN DENGAN MENGADAKAN MAKANAN SEPERTI SATAY, NASI LEMAK, LAKSA, NASI GORENG DAN SEBAGANYA.

KATANYA DENGAN RANCANGAN YANG TERATUR DAN CARA PENYEDIAAN YANG BERSIH, MAKA USAHA-USAHA MEMPERKENALKAN MAKANAN + SEGERA + MALAYSIA INI AKAN MENDAPAT SAMBUTAN.

YANG TURUT HADIR DI MAJLIS ITU JALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH ALI, MENTERI-MENTERI DAN WAKIL-WAKIL KEDUTAAN ASING. --BERNAMA